

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM


The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash





Penularan masalah pandemik Covid-19 telah pun hampir 2 tahun menghantui seluruh dunia yang mengakibatkan kematian direkodkan mencecah 5 juta orang (Worldometer, 2021). Di Malaysia pula, keadaan Covid-19 menjadi semakin serius bermula dengan peningkatan kes secara mendadak pada Mac 2020. Dek kerana itulah pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada masa itu bagi menyekat penularan Covid-19. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan bermula dari Mac 2020 dengan pelancaran dasar fiskal dan monetari menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat Prihatin, Pelan Penjana, dan yang terkini Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang menelan belanja yang sangat besar. Aktiviti gelempong pelancongan dan perkilangan juga turut dilaksanakan bagi merancakkan lagi aliran wang tunai negara. Inisiatif ini dilaksanakan untuk menggalakkan lagi aktiviti ekonomi negara dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan para pelabur asing masuk ke negara kita.

Tahun 2021 merupakan tahun yang ke-64 Malaysia menyambut kemerdekaan. Jika dilihat dari segi angka, tempoh kemerdekaan yang sebegini seharusnya ekonomi dan perkembangan negara lebih

ke hadapan dan matang dalam pelbagai perkara. Namun bahana pandemik Covid-19 ini menyebabkan keadaan ekonomi yang sebelum ini boleh dikatakan stabil, turun secara mendadak dan sukar dikawal walaupun pelbagai insentif telah pun diperkenalkan oleh Kerajaan bagi membantu rakyat Malaysia. Akibat pandemik Covid-19 yang berlarutan ini, ramai pihak yang terkesan dan terpaksa menanggung kesan kemelesetan ekonomi semasa yang teruk.

Kesannya bukan sahaja kepada isi rumah, perniagaan, kerajaan dan perdagangan antarabangsa, malahan ianya mempengaruhi keseluruhan keadaan ekonomi dunia. Ada individu yang diberhentikan kerja (Cyclical unemployment) rentetan daripada perniagaan yang terpaksa ditutup, ada aktiviti yang tidak dibenarkan untuk beroperasi dan banyak lagi kesan negatif daripada pandemik yang melanda seluruh dunia hari ini.

Antara strategi yang boleh dilakukan oleh rakyat bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi antaranya dengan cara:

1. Mengamalkan perbelanjaan berhemah (kenalpasti keperluan dan kehendak). Berbelanja mengikut keperluan dan keupayaan.



MERDEKA

EKONOMI

2021

Noorazlina Ahmad & Nur Azwani Mohamad Azmin

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

2. Mengurangkan pinjaman peribadi baharu, pembelian kereta baharu.
3. Mengurangkan pembelian emas perhiasan baharu (bagi mengelakkan sukar dicairkan di waktu memerlukan tunai)
4. Membuat simpanan atau tabungan tunai keluarga bagi kegunaan di waktu terdesak atau tidak terduga.
5. Berusaha menambah pendapatan sampingan keluarga.

Kesesuaian strategi yang dicadangkan di atas adalah berbeza mengikut individu. Sekiranya kita tidak mampu menambah pendapatan keluarga, mungkin kita boleh membantu dengan cara menjimatkan perbelanjaan yang ada pada hari ini. Kami hanya mampu mencadangkan, namun terpulanglah kepada kebijaksanaan masyarakat menyesuaikan dengan cara hidup, keperluan, desakan, kebolehan dan cabaran yang dihadapi. Kemerdekaan pada hari ini tidak memerlukan kita untuk memikul senjata berjuang di medan perang, tetapi lebih kepada berjuang memajukan ekonomi keluarga sendiri dengan memastikan keluarga kita tidak jatuh di bawah kelompok kemiskinan.

Namun begitu, sebagai rakyat Malaysia, sebagai seorang Muslim, kita wajib melihat ujian ini sebagai satu kesempatan untuk kita menambah baik kehidupan kita. Menambah baik jati diri kita. Menggunakan masa yang ada untuk memperbaiki hubungan antara ahli keluarga. Perpisahan sementara iaitu tidak dapat pulang ke kampung menziarahi sanak saudara, dijadikan asbab agar hubungan kekeluargaan semakin kuat dan utuh sebanyak mana rindu yang ditanggung.

Biarlah tidak dapat berarak di Dataran Merdeka pada kali ini, biarlah tidak dapat bersama-sama menyambut kemerdekaan seperti biasa, asalkan kita dapat hidup dalam keadaan merdeka ekonomi di bumi Malaysia yang kita cintai. Keprihatinan para pemimpin juga memainkan peranan dalam membantu ekonomi Malaysia bergerak ke hadapan dan lebih baik di masa akan datang. Semoga kemerdekaan tahun ini dapat mematangkan lagi rakyat Malaysia dan meningkatkan lagi keperihatinan kita dalam memperjuangkan ekonomi keluarga masing-masing. Merdeka.. Merdeka... Merdeka



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash